

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-615
BIL. 9/2025 PADA 29 SEPTEMBER 2025**

**1. PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KE-68
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025 DI STADIUM
BATU KAWAN SEBERANG PERAI SELATAN PADA
31 OGOS 2025**

Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-68 Tahun 2025 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 31 Ogos 2025 (Ahad), kontinjen MBSP yang menyertai perbarisan dan perarakan pada hari tersebut telah dinobatkan sebagai **Naib Johan bagi kategori Pakaian Terbaik** dan **Naib Johan bagi kategori Kontinjen Perbarisan Terbaik (Agensi Awam)** yang telah membawa pulang piala iringan beserta wang tunai berjumlah RM2,000.00 bagi setiap kategori yang dimenangi.

Tahniah diucapkan kepada kontinjen MBSP.

2. EMERALD AWARD : MIP MyPlace 2025

Dengan sukacitanya saya maklumkan bahawa MBSP telah menerima *Emerald Award* – Tempat Ketiga bagi kategori *City and Town Park* (bawah 50 hektar) melalui projek *Blossom's Embrace: A Symphony of Laman Flora* dalam *MIP MyPlace 2025*.

Penganugerahan berprestij ini telah disampaikan pada 13 September 2025 bertempat di Le Méridien Hotel, Petaling Jaya.

Pengiktirafan ini membuktikan bahawa komitmen MBSP dalam membangunkan ruang hijau yang berkualiti, mesra komuniti dan lestari, sejajar dengan aspirasi bandar raya rendah karbon.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Landskap MBSP atas kejayaan ini. MBSP akan terus memperkukuh agenda landskap bandar yang mampan dan beridentiti demi menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya hijau, bersih dan sejahtera.

3. PROGRAM TAWARAN DISKAUN PENGURANGAN KOMPAUN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN MBSP

Sempena Sambutan Hari Ulangtahun Hari Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-6 Tahun 2025, Program Tawaran Diskaun Pengurangan Kompoun Direktorat Penguatkuasaan MBSP sedang dilaksanakan bermula 16 September 2025 hingga 31 Disember 2025. Tawaran diskaun pengurangan kompaun ini perlu dibuat bayaran secara nirtunai melalui perkhidmatan pelbagai saluran bayaran rasmi MBSP yang telah disediakan.

Program ini dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat Seberang Perai untuk menyelesaikan tunggakan kompaun yang telah diterima agar tidak menerima proses tindakan pendakwaan selanjutnya daripada pihak MBSP di samping memberi

peluang kepada orang awam untuk menerima tawaran pengurangan khas ini dengan kadar diskaun.

Antara kompaun-kompaun yang terlibat dengan tawaran diskaun pengurangan ini adalah :-

- **Kompaun Tempat Letak Kereta (TLK): Serendah RM12.00**

(Kesalahan Di Bawah Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995)

- **Kompaun Lalu Lintas: Serendah RM120.00**

(Kesalahan Melibatkan Seksyen 48 (1) / Seksyen 79 (2) Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Semua bayaran adalah secara nirtunai melalui perkhidmatan saluran bayaran rasmi MBSP seperti berikut:-

- Aplikasi Penang Smart Parking (PSP) – Kompaun TLK
- Aplikasi ASPIRE – Kompaun TLK
- Portal MBSPPay – Kompaun TLK / Lalulintas
- Portal PBTPay – Kompaun TLK
- Kiosk MBSP – Kompaun TLK
- Kaunter Berpusat / Cawangan MBSP – Kompaun TLK / Lalulintas

MBSP menyeru orang awam agar mengambil peluang ini untuk menjelaskan bayaran kompaun tertunggak yang telah diterima

sebelum tamat tempoh promosi ini. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Bahagian Letak Kereta, Direktorat Penguatkuasaan MBSP di talian 04-5402581 / 582.

4. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADAN

Dimaklumkan bahawa permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadan** akan mula dibuka mulai **01 Oktober 2025** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **28 November 2025**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadan boleh diperolehi mulai **01 Oktober 2025** di :-

- i. Laman sesawang Majlis di
www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon pada **26 Januari 2026**. Taklimat kepada penganjur dijadualkan pada **10 Februari 2026**.

Borang permohonan boleh dihantar di Jabatan Pelesenan, Tingkat 1, Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jalan Perda Utama, Bandar Perda. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MBSP di talian 04-5497685 / 679.

****Nota :** 1 Ramadan 1447 H : 19 Februari 2026

5. PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN INBOIS MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (SPi MBSP) BAGI URUSAN PENGHANTARAN DOKUMEN TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa komited dalam memperkukuh tadbir urus kewangan dan meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan kepada masyarakat serta rakan strategik MBSP. Seiring dengan era digitalisasi perkhidmatan kerajaan, MBSP kini telah membangunkan Sistem Pengurusan Inbois MBSP (SPi MBSP) sebagai satu inisiatif baharu bagi menggantikan kaedah manual penghantaran dokumen tuntutan pembekal kepada penggunaan sistem elektronik sepenuhnya. Pelaksanaan sistem ini akan bermula pada 01 Oktober 2025.

Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pihak pembekal menghantar dokumen tuntutan secara dalam talian tanpa perlu hadir ke pejabat MBSP. Dengan adanya inovasi ini, pembekal dapat menjimatkan kos dan masa, di samping ianya dapat mempercepatkan proses semakan serta kelulusan. SPi MBSP turut membantu mengurangkan kesilapan dokumen, membolehkan pemantauan status tuntutan secara masa nyata, serta menyokong komunikasi dua hala secara dalam talian antara MBSP dan pembekal. Sistem ini juga memperkukuhkan pelaksanaan urusan tanpa kertas yang lebih efisien, telus dan mesra alam.

Sistem ini boleh diakses oleh pembekal MBSP mulai 1 Oktober 2025 melalui pautan <https://spi.mbsp.gov.my>

Hebahan kepada semua pembekal MBSP berhubung pelaksanaan ini akan dibuat mulai hari ini 29 September 2025 secara berperingkat-peringkat melalui e-mel serta sistem khidmat pesanan ringkas (SMS). MBSP juga akan membuat pemakluman di laman web rasmi MBSP, Facebook serta media sosial MBSP dan di paparan skrin LED MBSP Bandar Perda.

MBSP yakin sistem ini akan meningkatkan keyakinan terhadap integriti proses kewangan majlis, di samping menyumbang kepada perkhidmatan bandar raya yang lebih moden, mampan, dan responsif kepada keperluan semasa.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh diajukan kepada MBSP di talian 04-5497465/ 466 / 472 / 889 / 891 atau melalui e-mel rasmi di spi-support@mbasp.gov.my.

6. SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Hari Landskap Negara (HLN) merupakan inisiatif tahunan Jabatan Landskap Negara bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan landskap dalam membentuk persekitaran sihat dan lestari. Tahun ini HLN 2025 bertemakan “Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI”, menekankan peranan landskap dalam pembangunan mampan berteraskan kesejahteraan masyarakat.

Tahun 2025, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) diberi penghormatan sebagai tuan rumah Sambutan Hari Landskap Negara peringkat Negeri Pulau Pinang menekankan objektif utama seperti memperkukuh kesedaran awam, memajukan industri landskap, menyokong aspirasi Malaysia MADANI.

Sambutan akan berlangsung pada 04 & 05 Oktober 2025 (Sabtu & Ahad) di Setia Fontaines Heritage Park, Seberang Perai Utara dan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Penganjuran ini melibatkan kerjasama Setia Fontaines bersama pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan institusi akademik.

Antara pengisian program ialah:

- Aktiviti Sukan & Rekreasi: Zumbafest, Pound Fitness, Kayak, Street Soccer U-12.

- Aktiviti Hijau & Kesedaran: Penanaman Pokok Pinang, bengkel kitar semula & SDG, pameran bomba, perpustakaan & pergigian bergerak.
- Ekonomi & Niaga: Agro Madani (FAMA, LKIM, LPP, LPNM), foodtruck & pasar senja.
- Tarikan Khas & Hiburan: Belon udara panas, Lumination (pameran cahaya), Musical Fountain.

Sambutan HLN 2025 ini mencerminkan komitmen MBSP dalam memperkukuh landskap hijau, inovatif dan mampan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta identiti Pulau Pinang sebagai negeri hijau, berdaya huni dan lestari.

7. PEMAKLUMAN PELAKSANAAN BANDAR MESRA USIA (AGE-FRIENDLY CITY SEBERANG PERAI)

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.25/2025 yang bersidang pada 20 Ogos 2025 dan disahkan pada 27 Ogos 2025 telah meluluskan peruntukan geran sejumlah RM403,800.00 bagi pelaksanaan Bandar Mesra Usia atau *Age Friendly City* (AFC) Seberang Perai.

Peruntukan ini disalurkan secara *outright grant* kepada Penang Women's Development Corporation (PWDC) untuk dilaksanakan berperingkat bermula tahun 2025 hingga 2028 melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Inisiatif AFC diwujudkan bagi menyediakan persekitaran selamat dan inklusif kepada semua kumpulan umur terutamanya warga emas. Terdapat lapan (8) domain utama di bawah inisiatif ini bagi memastikan kualiti hidup individu di sesebuah bandar lengkap, selesa dan selamat.

Oleh yang demikian, MBSP ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama menjayakan inisiatif AFC dan menjadikan Seberang Perai sebagai bandar yang selesa dan selamat untuk semua golongan.

8. OPERASI PENGUATKUASAAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

Operasi penguatkuasaan kutipan cukai taksiran akan dijalankan bermula **06 Oktober 2025** bagi premis-premis yang belum menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2025.

Pemilik premis diminta untuk membuat bayaran dengan kadar **SEGERA** bagi mengelakkan harta alih anda dari disita. Bayaran cukai taksiran boleh dibuat **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP serta di kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi dan Kg. Jawa.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

9. PENGANJURAN *BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2025*

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival* Tahun 2025 pada 22 & 23 November 2025 (Sabtu-Ahad) bertempat di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth. BFF 2025 merupakan penganjuran tahun kesembilan (ke-9) yang telah bermula sejak tahun 2015.

Butterworth Fringe Festival adalah sebuah festival bertaraf antarabangsa berkonsepkan gastronomy, kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dalam memperkasa dan mempromosikan komponen pelancongan dan ekonomi kreatif serta memangkin aktiviti *Local Economic Development (LED)* bagi komuniti Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya.

BFF adalah salah satu platform dalam memperkasakan *intangible heritage* di Seberang Perai seiring untuk mempromosikan budaya tempatan kepada masyarakat setempat mahupun luar. Festival yang disajikan secara PERCUMA ini telah menarik ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa untuk hadir menyaksikan kepelbagaian pengisian seni, budaya, muzik, tarian, *hands-on workshop* dan sebagainya sepanjang festival berlangsung.

MBSP dengan ini mengharapkan semua *stakeholders* dan seluruh komuniti untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan BFF 2025.

10. PENCEROBOHAN KAWASAN LAPANG SELENGGARAAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MBSP ingin menegaskan bahawa semua kawasan lapang di bawah selenggaraan MBSP adalah kawasan awam yang diwartakan untuk kepentingan komuniti. Kawasan ini berfungsi sebagai ruang rekreasi serta kawasan hijau untuk kesejahteraan orang awam.

Sehubungan itu, sebarang bentuk pencerobohan, pembinaan tanpa kebenaran, aktiviti pertanian persendirian, atau penggunaan yang bercanggah dengan peraturan adalah dilarang sama sekali. Pencerobohan ini bukan sahaja menjejaskan perancangan bandar, malah boleh menimbulkan risiko keselamatan, kebersihan, dan menafikan hak orang awam terhadap kemudahan awam.

MBSP melalui jabatan berkaitan akan terus memperkukuh usaha penguatkuasaan termasuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang didapati menceroboh, melaksanakan pemantauan berkala, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara kawasan lapang.

11. MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN YANG BERLAWANAN DENGAN KEBENARAN MERANCANG

MBSP telah pada 25 Ogos 2025 menjalankan tindakan pendakwaan terhadap Orang Kena Saman (OKS) di bawah seksyen 28(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*) di Mahkamah Sesyen Jenayah Butterworth. OKS dalam kes ini masih

menyalahgunakan kebenaran merancang yang diberikan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai. OKS dalam kes ini telah menyalahguna rumah Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada asrama pekerja yang berlawanan dengan kebenaran merancang dan masih melakukan kesalahan selepas sabitan pertama pada 6.1.2023 sehingga 25.9.2024 di atas Lot 10913 (Lot lama 228), Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Kesemua OKS telah mengaku salah di atas pertuduhan tersebut dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda keseluruhan ke atas semua OKS sebanyak RM125,600.00.

MBSP ingin menegaskan bahawa semua aktiviti pemajuan yang bercanggah dengan kebenaran merancang adalah satu kesalahan yang serius apabila rumah Kos Rendah yang disediakan oleh pemaju yang sepatutnya dijual kepada pembeli yang layak yang berpendapatan rendah telah disalahgunakan oleh OKS untuk dijadikan asrama pekerja.

MBSP telah mengambil tindakan tegas dan tidak akan berkompromi terhadap kesalahan berterusan yang dijalankan oleh OKS selepas sabitan terdahulu.

Tindakan ini bukan sahaja telah melanggar syarat yang ditetapkan oleh MBSP, malah ianya jelas menunjukkan penyalahgunaan tujuan pembangunan dan boleh membawa pelbagai kesan negatif dari sudut ketidakpatuhan undang-undang dan tidak menepati kehendak peraturan perancangan, malah boleh membawa risiko keselamatan,

gangguan bunyi, kebersihan dan pencemaran kepada kesejahteraan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.